

Cabaran Dan Strategi Pelaksanaan Pengajaran Terbeza Guru Pendidikan Islam Dalam Pengajaran Jawi Di Sekolah Rendah (Challenges and Strategies in the Implementation of Differentiated Instruction by Islamic Education Teachers in Jawi Teaching at Primary Schools)

WAN NABILAH WAN MUHAMAT ALI & NURFARADILLA MOHAMAD NASRI*

ABSTRAK

Kepelbagaian tahap penguasaan murid di dalam bilik darjah memerlukan strategi pengajaran guru yang sesuai dan berkesan. Peranan guru di dalam kelas adalah meraikan keunikan yang ada dalam diri setiap murid. Bertepatan dengan hasrat Kementerian Pendidikan Malaysia untuk menyediakan akses pendidikan yang saksama dan bermutu tinggi kepada semua murid, maka elemen pengajaran terbeza dimasukkan melalui instrumen SKPMg2 dalam mengukur standard kualiti pendidik di Malaysia. Namun, masih terdapat ramai guru yang kurang memahami dan mengamalkan pendekatan pengajaran terbeza di sekolah rendah terutamanya. Oleh itu, kertas konsep ini ditulis untuk membincangkan tentang cabaran pelaksanaan pengajaran terbeza dalam kalangan Guru Pendidikan Islam dalam pengajaran Jawi di sekolah rendah. Selain itu, cadangan strategi pelaksanaan pengajaran terbeza juga diuraikan berdasarkan cabaran yang telah dibincangkan. Melalui kertas konsep ini, diharapkan dapat menjadi panduan kepada Guru Pendidikan Islam dalam mengenal pasti cabaran serta melaksanakan strategi pengajaran terbeza yang lebih efektif dalam pengajaran Jawi. Implikasi penulisan ini bukan sahaja dapat membantu meningkatkan kualiti pengajaran guru, malah turut menyokong usaha melahirkan persekitaran pembelajaran yang inklusif, responsif dan memenuhi kepelbagaian tahap penguasaan murid di sekolah rendah.

Kata Kunci: cabaran, strategi, pelaksanaan, pengajaran terbeza, pengajaran Jawi, sekolah rendah

ABSTRACT

The diversity of students' mastery levels in the classroom requires teachers to employ appropriate and effective teaching strategies. The role of teachers in the classroom is to acknowledge and celebrate the uniqueness of each student. In line with the aspiration of Kementerian Pendidikan Malaysia to provide equitable access to quality education for all students, the element of differentiated instruction has been incorporated into the SKPMg2 instrument to measure the quality standards of educators in Malaysia. However, there are still many teachers, particularly at the primary school level, who lack understanding and practice of differentiated instruction approaches. Therefore, this concept paper was written to discuss the challenges in the implementation of differentiated instruction among Islamic Education teachers in the teaching of Jawi in National Primary Schools. In addition, proposed strategies for the implementation of differentiated instruction are also elaborated based on the challenges discussed. This concept paper is expected to serve as a guide for Islamic Education teachers in identifying challenges and implementing more effective differentiated instruction strategies in Jawi teaching. The implications of this paper not only help improve the quality of teachers' instruction, but also support efforts to create an inclusive and responsive learning environment that accommodates the diverse mastery levels of students in National Primary Schools.

Keywords: challenges, strategies, implementation, differentiated teaching, Jawi teaching, Primary School

PENGENALAN

Pendidikan merupakan asas penting dalam pembangunan masyarakat kerana berperanan membentuk perkembangan individu dan komuniti secara holistik. Dalam merealisasikan matlamat tersebut, pelaksanaan kaedah pengajaran yang berkesan menjadi elemen utama dalam proses pendidikan (Munna & Kalam, 2021). Namun demikian, kepelbagaian

keperluan serta kecenderungan pembelajaran murid menjadi cabaran dalam melaksanakan pendekatan pengajaran yang bersifat seragam (Tomlinson et al. 2003). Melalui Pelan Pembangunan Pendidikan Malaysia (PPPM) 2013-2025, 11 anjakan utama menjadi panduan untuk menggerakkan sistem pendidikan Malaysia ke arah meningkatkan kualiti pendidikan bertaraf antarabangsa. Antara implikasi utama pelaksanaan Pelan Pembangunan

Pendidikan Malaysia (PPPM) 2013-2025 terhadap murid ialah setiap murid mempunyai potensi untuk belajar dan mencapai kejayaan tanpa mengira latar belakang atau pencapaian mereka yang lepas. (Kementerian Pendidikan Malaysia 2013).

Kini, satu pendekatan baru telah dicadangkan oleh kementerian untuk dilaksanakan oleh para guru di Malaysia iaitu pendekatan pengajaran terbeza. Tomlinson (2017) menyatakan profil pembelajaran murid menentukan bagaimana guru menyesuaikan kandungan, proses, dan aktiviti pembelajaran dalam bilik darjah. Hal ini melibatkan pengubahsuaian isi pelajaran yang diajarkan oleh guru, proses pengajaran, serta aktiviti pembelajaran yang melibatkan murid secara langsung. Hasil akhir dari proses pembelajaran ini adalah kemahiran yang dikuasai oleh murid mengikut kemampuan mereka. Menurut Mohd Mazhan, Zahari, Nor Hasnida dan Premalatha (2022), seorang guru harus bijak dalam menentukan teknik dan pendekatan pengajaran yang bersesuaian dengan pelbagai jenis kecerdasan yang dimiliki oleh murid. Hal ini bertepatan dengan Teori Kecerdasan Pelbagai yang dipelopori oleh Howard Gardner dimana terdapat tujuh kecerdasan pelbagai antaranya kecerdasan verbal-linguistik, kecerdasan muzik, kecerdasan logik-matematik, kecerdasan visual-ruang, kecerdasan interpersonal, kecerdasan intrapersonal, kecerdasan naturalis, kecerdasan eksistensial dan kecerdasan kinestetik. Setiap individu menunjukkan keupayaan yang lebih cenderung dalam satu atau beberapa bidang kecerdasan pelbagai yang dimilikinya.

Oleh itu, guru memainkan peranan penting dalam menyampaikan isi pelajaran secara meyeluruh dan seimbang mengikut gaya pembelajaran murid. Walau bagaimanapun, cabaran dalam melaksanakan pendekatan ini tidak hanya bergantung kepada kecekapan guru semata-mata, tetapi juga dipengaruhi oleh faktor-faktor fizikal dan kepemimpinan dalam bidang Pendidikan (Nurhanisah & Syawal 2023). Situasi ini tidak hanya terdapat di Malaysia, tetapi juga di luar negara, seperti yang didapati dalam kajian oleh Nguvava dan Meremo (2021). Meskipun guru-guru telah biasa dan memahami konsep pengajaran berbeza, mereka masih berdepan kesukaran untuk melaksanakannya secara berkesan bagi memenuhi keperluan murid yang pelbagai. Hal ini berpunca daripada pelbagai cabaran dan kekangan berkaitan tugas harian guru.

Walaupun terdapat pelbagai kajian berkaitan pengajaran terbeza dalam mata pelajaran umum dan Pendidikan Islam, kajian yang memberi fokus khusus terhadap pelaksanaan pengajaran terbeza dalam pengajaran Jawi di sekolah rendah masih terhad. Kajian oleh Danial Arif Abdul Muttalip (2020) menunjukkan bahawa guru masih kurang pengetahuan berkaitan pengajaran terbeza walaupun mempunyai penerimaan yang positif terhadap pendekatan tersebut. Selain itu, kajian oleh Mohd Muzzammil Sharif dan Harun

Baharudin (2023) mendapati bahawa sebahagian guru masih menggunakan pendekatan pengajaran tradisional yang kurang mengambil kira kepelbagaian tahap penguasaan murid. Dalam konteks pengajaran Jawi pula, Mohd Mazhan Tamyis et al. (2022) menjelaskan bahawa pelaksanaan kurikulum Jawi masih memerlukan penambahbaikan dari aspek latihan guru dan kesesuaian pelaksanaan pengajaran. Antara tiga masalah utama yang sentiasa dihadapi oleh murid ialah terdapat murid yang tidak mengenal huruf Jawi, membaca tulisan Jawi dengan lancar, dan menulis tulisan Jawi dengan betul. Ketiga-tiga masalah ini merangkumi tiga kemahiran yang berbeza. Namun, Guru Pendidikan Islam sukar mengajar semua murid yang mempunyai tahap penguasaan kemahiran yang berbeza dalam satu kaedah. Tambahan pula, statistik enrolmen murid sekolah rendah KPM (2025) yang melebihi 2.7 juta orang menunjukkan bahawa kepadatan murid di sekolah rendah masih menjadi isu yang perlu diberi perhatian. Peningkatan enrolmen ini secara tidak langsung memberi kesan kepada kepadatan bilik darjah di sekolah rendah

Oleh itu, terdapat keperluan untuk membincangkan cabaran serta strategi pelaksanaan pengajaran terbeza dalam pengajaran Jawi agar pendekatan ini dapat dilaksanakan secara lebih sistematik dan berkesan oleh Guru Pendidikan Islam dalam pengajaran Jawi di Sekolah Kebangsaan khususnya. Kertas konsep ini juga penting sebagai panduan kepada Guru Pendidikan Islam dalam memahami cabaran dan strategi pelaksanaan pengajaran terbeza dalam pengajaran Jawi. Selain itu, penulisan ini dapat membantu meningkatkan keberkesanan pengajaran guru serta menyokong usaha melahirkan persekitaran pembelajaran yang lebih inklusif dan memenuhi keperluan murid yang pelbagai tahap penguasaan.

SOROTAN LITERATUR

PENGAJARAN JAWI

Tulisan Jawi merupakan satu sistem tulisan yang tidak asing lagi dalam kalangan masyarakat Malaysia. Tulisan Jawi merupakan aksara Arab yang telah disesuaikan dengan penulisan bahasa Melayu yang telah digunakan secara meluas pada zaman kesultanan Melayu Melaka. Apabila di bawah pemerintahan kolonial British, pengajaran Jawi di sekolah-sekolah Melayu dikekalkan dan digunakan sebagai medium untuk mengajar bahasa Melayu. Namun, selepas kemerdekaan, pendekatan ini berubah dengan memberi penekanan yang lebih besar kepada pengajaran bahasa Melayu dalam aksara Rumi (Latin). Hal ini terjadi disebabkan oleh semangat modernisasi dan keinginan untuk menyatukan pelbagai etnik di Malaysia.

Mohd Mazhan Tamyis, Zahari Suppian dan Nor Hasnida Che Md. Ghazali (2021) berpendapat bahawa

penting untuk melestari dan mengangkat martabat tulisan Jawi agar tidak dilupakan dalam kalangan orang Melayu-Islam, terutama di kalangan masyarakat Malaysia secara keseluruhan. Sewajarnya, rakyat Malaysia perlu menunjukkan rasa bangga dan komitmen dalam mengangkat tulisan Jawi sebagai tulisan kedua harian selepas tulisan Rumi sebagaimana masyarakat Jepun memanfaatkan katakana dan hiragana dalam komunikasi harian mereka.. Oleh itu, salah satu cara untuk meningkatkan martabat tulisan Jawi adalah dengan melaksanakan pengajaran dan pembelajaran bidang Jawi secara menyeluruh dalam kurikulum pendidikan Islam.

Berdasarkan Kurikulum Pendidikan Islam yang digariskan oleh Kementerian Pendidikan Malaysia (2017), mata pelajaran Pendidikan Islam di peringkat sekolah rendah dibahagikan kepada tujuh komponen utama, iaitu al-Quran, Hadis, Akidah, Ibadah, Sirah, Adab, dan Jawi. Seperti komponen lain, pengajaran bidang Jawi disusun selaras dengan Dokumen Standard Kurikulum dan Pentaksiran (DSKP), yang mengandungi Standard Kandungan, Standard Pembelajaran, dan Standard Prestasi. Bagi memastikan pelaksanaan yang berkesan, KPM turut menetapkan beberapa tahap penguasaan asas sebagai panduan minimum untuk Guru Pendidikan Islam (GPI) membantu murid menguasai kemahiran membaca dan menulis tulisan Jawi. Kemahiran asas membaca, menulis dan membina perkataan atau ayat dalam Jawi merupakan elemen utama dalam pembelajaran Jawi pada murid tahap rendah. Walaupun kemahiran ini kelihatan mudah untuk dikuasai, kejayaan usaha ini amat bergantung kepada tahap pemahaman dan komitmen GPI dalam melaksanakan DSKP secara menyeluruh dan berkesan.

Menurut Anuar & Nelson (2015), seorang pendidik perlu menguasai kemahiran pengajaran yang merangkumi perancangan, pengurusan, penyampaian, bimbingan, dan penilaian bagi memastikan penyampaian ilmu dan kemahiran kepada pelajar dapat dilakukan secara berkesan. Kemahiran ini perlu dilaksanakan melalui penggunaan pendekatan, strategi, kaedah, dan teknik mengajar yang didasarkan pada teori pengajaran dan pembelajaran. Oleh itu, setiap kaedah dan strategi guru memainkan peranan yang sangat penting dalam menyampaikan isi pelajaran kepada pelajar.

Pelbagai pendekatan dan program telah diatur dan diperkenalkan oleh pihak kementerian dalam meningkatkan prestasi murid dalam pembelajaran Jawi. Walaupun begitu, kebanyakan program dan pendekatan yang disediakan hanya melibatkan tahap penguasaan murid yang lemah sahaja. Contohnya, melalui program j-Qaf iaitu Kem Cemerlang Jawi yang wajib dilaksanakan di sekolah bertujuan untuk memfokuskan kepada murid yang keciciran dalam Jawi sahaja (KPM 2015). Namun, persoalannya, bagaimana pula dengan pencapaian murid

di dalam kelas yang mempunyai kepelbagaian kognitif baik dari murid yang lemah, sederhana hingga cemerlang. Bagaimana pula pendekatan dan kaedah yang boleh digunakan oleh guru dalam menghadapi kepelbagaian murid ini. Hal ini perlu difikirkan kerana pihak atasan hanya menyediakan intervensi kepada murid yang lemah dan selebihnya atas kebijaksanaan guru dalam meraikan tahap penguasaan kognitif murid dalam kelas.

Terdapat pelbagai kaedah pengajaran Jawi yang boleh diaplikasikan oleh guru semasa proses pengajaran dan pembelajaran di dalam kelas. Antara kaedah pengajaran Jawi yang diperkenalkan secara khusus oleh KPM ialah kaedah pandang sebut, kaedah fonetik, kaedah abjad, kaedah latih tubi, kaedah permainan, kaedah nyanyian, kaedah imlak dan kaedah mengeja/membatang (Naquiah Nahar & Jimain Safar 2016). Justeru, melalui kepelbagaian kaedah yang dicadangkan ini, guru perlu menjadi lebih kreatif dan inovatif dalam mengaplikasikan kaedah-kaedah tersebut mengikut tahap penguasaan kognitif murid-murid.

MODEL PENGAJARAN TERBEZA

Konsep Pengajaran Terbeza mempunyai pelbagai takrifan dan kefahaman dari ramai pengkaji penyelidik. Pendekatan pengajaran terbeza merujuk kepada strategi pengajaran kontemporari yang digunakan secara proaktif oleh guru untuk menangani kepelbagaian murid berdasarkan aras kognitif mereka. Pengajaran terbeza merujuk kepada suatu cara pengajaran di mana guru secara aktif menyesuaikan kurikulum, kaedah pengajaran, sumber bahan, aktiviti pengajaran, dan pencapaian murid untuk memenuhi keperluan individu setiap murid dalam bilik darjah (Tomlinson 1999).



RAJAH 1. Kerangka Model Pembelajaran Terbeza (Tomlinson 1999).

Rajah 1 di atas menerangkan tentang konsep Pedagogi Terbeza (Differentiated Pedagogy) melalui model pengajaran terbeza yang diperkenalkan oleh Carol Ann Tomlinson pada tahun 1995. Pandangan Zurina dalam kajian Ain Nur Atika (2021), Pendekatan ini merangkumi penyesuaian terhadap kandungan, proses, hasil pembelajaran, serta suasana persekitaran pembelajaran. Menurut Siti Aishah dan Che Suriani (2018), melalui pendekatan terbeza, murid dapat mengoptimalkan pembelajaran mengikut pemahaman individu mereka. Pendapat ini sejajar dengan pandangan Danial Ariff dan Zamri (2020), yang menyatakan bahawa pendekatan ini mengambil kira tahap pembelajaran, kecenderungan, dan kemampuan murid untuk mencapai objektif pembelajaran. Oleh itu, secara keseluruhannya, pendekatan pengajaran terbeza dapat didefinisikan sebagai pendekatan pengajaran yang mempertimbangkan kepelbagaian murid di dalam bilik darjah dengan memilih kandungan, proses, produk, dan persekitaran pembelajaran yang sesuai untuk memastikan setiap murid memperoleh pemahaman mengikut tahap kognitif mereka masing-masing.

Melalui empat elemen utama yang dicadangkan dalam Manual Pedagogi Terbeza (2022), guru boleh mengaplikasikan elemen tersebut dalam proses pengajaran dan pembelajaran. Menerusi elemen kandungan, guru boleh mengubah suai kandungan pelajaran mengikut keperluan dan tahap pembelajaran murid. Manakala, melalui elemen proses, guru boleh merancang proses pengajaran dan pembelajaran dengan mempelbagaikan kaedah pengajaran, sumber dan aktiviti pengajaran seperti secara individu, berpasangan atau dalam kumpulan.

Kepelbagaian aras soalan kepada murid juga harus dirancang terlebih dahulu sebelum memulakan proses pengajaran dan pembelajaran. Seterusnya hasil pembelajaran murid perlu dinilai melalui elemen produk. Guru perlu membezakan bahan yang diberi kepada murid mengikut kecenderungan pembelajaran murid. Kaedah penilaian juga harus dibezakan mengikut tahap kognitif murid disamping memberi peluang kepada murid untuk memilih pelbagai cara dalam menunjukkan hasil pemahaman mereka terhadap pembelajaran seperti penulisan, persembahan, projek dan lain-lain. Akhir sekali, melalui elemen persekitaran, guru perlu menyusun atur persekitaran bilik darjah yang kondusif dan sesuai dengan bilangan murid yang ada di dalam kelas. Susun atur yang kondusif dapat memberi keselesaan kepada murid dalam setiap aktiviti yang akan dijalankan oleh guru sekaligus meningkatkan semangat murid dalam proses pengajaran dan pembelajaran.

PELAKSANAAN PENGAJARAN TERBEZA DALAM PENGAJARAN JAWI

Proses pelaksanaan pengajaran terbeza dalam pengajaran Jawi melibatkan beberapa langkah penting yang perlu

diberi perhatian oleh guru semasa melaksanakannya. Antaranya, guru memulakan pengajaran dengan menjalankan soalan praujian bagi mengenal pasti tahap pengetahuan sedia ada murid. Langkah ini penting kerana pengajaran terbeza menekankan keperluan guru memahami tahap kesediaan murid sebelum merancang aktiviti pengajaran yang bersesuaian. Kajian Wong et al. (2022) mendapati bahawa tahap kesediaan murid mempengaruhi motivasi dan kompetensi mereka dalam pembelajaran melalui pendekatan pengajaran terbeza.

Setelah tahap penguasaan murid dikenal pasti, murid boleh dikelompokkan mengikut tahap kognitif dan kemahiran mereka. Pengelompokan ini membantu guru merancang aktiviti yang sesuai dengan kemampuan murid secara lebih sistematik. Menurut Haelermans et al. (2022), pengelompokan murid berdasarkan strategi pembelajaran dan tahap kemampuan memberi kesan positif terhadap keberkesanan pembelajaran dalam bilik darjah yang mempunyai kepelbagaian tahap murid. Dalam konteks pengajaran Jawi, kandungan kurikulum melalui DSKP KSSR Semakan 2017 bagi Tahun 1 hingga Tahun 5 menekankan perkembangan kemahiran daripada mengenal, menyebut dan membaca kepada menulis serta mengarang menggunakan tulisan Jawi. Oleh itu, guru boleh membahagikan kumpulan murid berdasarkan kemahiran tersebut agar pengajaran lebih berfokus dan memenuhi keperluan murid.

Melalui pengelompokan murid ini, guru seterusnya mengenal pasti dan merangka empat elemen utama pengajaran terbeza iaitu kandungan, proses, produk dan persekitaran pembelajaran yang perlu diubah suai mengikut kesediaan murid. Kajian oleh Melesse dan Belay (2022) menjelaskan bahawa pengubahsuaian keempat-empat elemen tersebut penting bagi memenuhi kepelbagaian latar belakang, minat, kesediaan dan profil pembelajaran murid. Selain itu, Eikeland dan Ohna (2022) menegaskan bahawa pengajaran terbeza merupakan pendekatan yang membantu guru menyesuaikan pengajaran dengan kepelbagaian murid bagi mewujudkan pendidikan yang inklusif dan berkesan.

Sepanjang proses pengajaran dan pembelajaran, guru juga melaksanakan pentaksiran berterusan untuk memantau perkembangan murid. Pentaksiran ini penting bagi membantu guru membuat penyesuaian pengajaran secara berterusan berdasarkan perkembangan murid. Kajian Karst et al. (2022) menunjukkan bahawa penggunaan pentaksiran berasaskan data dalam pengajaran terbeza membantu mengurangkan jurang pencapaian murid serta meningkatkan kefahaman pembelajaran mereka. Seterusnya, maklumat daripada penilaian yang dijalankan boleh dijadikan asas untuk merancang langkah pemulihan dan intervensi yang sesuai bagi murid yang memerlukan bantuan tambahan. Pendekatan ini dapat memastikan setiap murid memperoleh peluang pembelajaran yang lebih efektif mengikut tahap kemampuan masing-masing.

CABARAN PELAKSANAAN PENGAJARAN TERBEZA DALAM PENGAJARAN JAWI

Organisasi kandungan mata pelajaran pendidikan Islam di sekolah rendah umumnya terdiri daripada tujuh bidang utama, termasuk al-Quran, Hadis, Akidah, Ibadah, Sirah, Adab, dan Jawi (KPM 2017). Setiap isi kandungan dalam bidang Jawi juga disusun berasaskan Dokumen Standard Kurikulum dan Pentaksiran (DSKP), yang menetapkan kandungan pembelajaran, objektif pembelajaran dan tahap pencapaian murid. KPM juga menetapkan beberapa standard penguasaan asas yang harus diikuti oleh guru sebagai panduan dan target minimum untuk membantu murid dalam mempelajari Jawi. Namun, pencapaian hasrat tersebut akan sukar tercapai tanpa kesungguhan guru untuk memahami dan melaksanakan DSKP dengan teliti.

Berdasarkan analisis kandungan 13 artikel, Mohd Mazhan et.al. (2021) telah menyimpulkan bahawa terdapat tiga tema utama yang berkaitan dengan pelaksanaan bidang Jawi dalam kurikulum pendidikan Islam sekolah rendah iaitu konteks, input dan proses. Melalui tema input dan proses cabaran pelaksanaan pengajaran terbeza dapat dibincangkan dengan lebih teliti. Tema input menghuraikan kepentingan memulakan kemahiran literasi Jawi sejak awal melalui pembelajaran Jawi yang berkualiti, yang dapat meningkatkan minat generasi muda. Oleh itu, aspek seperti pembangunan sumber manusia iaitu kualiti pengajaran guru, serta sumber bukan manusia seperti kandungan kurikulum, bahan bantu mengajar dan kemudahan prasarana turut perlu diberi perhatian. Sementara itu, tema proses menekankan kepentingan pelaksanaan bidang Jawi di dalam bilik darjah dengan mengambil kira tahap penguasaan murid dan keupayaan guru dalam menyampaikan pengajaran secara berkesan.

CABARAN KEMAHIRAN GURU DALAM PEDAGOGI

Penyelidikan oleh Bernard Tahim Bael, Suppiah Nachiappan, dan Maslinda Pungut (2020) mendapati bahawa sikap dan kemahiran guru dalam menggunakan pedagogi abad ke-21 (PAK21) masih belum mencapai tahap yang memuaskan. Pendekatan pengajaran terbeza diperkenalkan oleh Kementerian Pendidikan Malaysia (KPM) sejajar dengan pelaksanaan (PAK21) untuk mengatasi kepelbagaian kemampuan murid (Zuraidah Abdul, Hafizhah Zulkifli, Zamri Mahamod 2023). Pendekatan ini menegaskan hak setiap murid untuk menerima pendidikan yang terbaik, walaupun mereka mempunyai tahap kemampuan yang berbeza. Namun, kelemahan kemahiran guru dalam pedagogi terutamanya

menjadi cabaran yang utama kerana ramai guru belum bersedia sepenuhnya untuk mengamalkan pendekatan pengajaran terbeza terhadap murid. Hasil kajian Danial Arif dan Zamri (2020) mendapati guru kurang memiliki pengetahuan dan pendedahan yang mencukupi terhadap pelaksanaan pendekatan pedagogi berbeza dalam proses pengajaran. Faktor ini memberi kesan terhadap pelaksanaan pengajaran terbeza oleh guru. Guru tidak berkeyakinan dalam mengaplikasi pendekatan ini terhadap murid kerana tidak mempunyai perancangan dan persiapan yang rapi untuk dilaksanakan dalam sesi pengajaran.

CABARAN PELAKSANAAN DALAM BILIK DARJAH

Cabaran yang sering berlaku dalam melaksanakan pengajaran terbeza dalam bidang jawi ialah isu bilangan murid di dalam bilik darjah yang terlalu ramai mempengaruhi keberkesanan amalan pendidikan. Kepadatan dalam bilik darjah boleh menjadi halangan dalam mencapai objektif proses pengajaran dan pembelajaran yang dijalankan (Che Nidzam Che Ahmad, Saidatul Ainoor Shaharim dan Asmayati Yahaya 2016). Sebuah kelas sekolah rendah di Malaysia memiliki purata kira-kira 40 murid, dengan setiap murid mewakili ragam yang berbeza (Choong Lean Keow 2009). Kuantiti ini merupakan cabaran yang besar, menjadikan pengurusan bilik darjah sebagai satu tugas yang mencabar dalam profesion perguruan. Tugas guru menjadi sedikit tercabar dalam merancang dan menyediakan strategi pelaksanaan pengajaran terbeza kerana jumlah murid yang ramai memerlukan perancangan yang rapi dan lebih teliti. Walaupun begitu, tanggungjawab sebagai seorang guru harus dijalankan dalam menyediakan pendidikan yang adil kepada semua murid berdasarkan keperluan dan tahap penguasaan masing-masing.

STRATEGI PELAKSANAAN PENGAJARAN TERBEZA DALAM PENGAJARAN JAWI

Pendekatan atau strategi pengajaran adalah istilah yang merangkumi seluruh proses pelaksanaan pengajaran dan memiliki makna yang serupa untuk menjelaskan cara guru mengajar (Naquiah Nahar & Jimain Safar 2018). Strategi pelaksanaan pengajaran terbeza dalam bidang Jawi melibatkan beberapa langkah yang bertujuan untuk menyesuaikan pembelajaran dengan keperluan setiap murid. Selain memiliki penguasaan terhadap pengetahuan kandungan mata pelajaran, guru perlu memahami pedagogi kandungan mata pelajaran dan pedagogi Abad ke-21 (PAK21) dengan menggabungkan bahan sokongan pembelajaran yang menarik dan efektif. Kekurangan

kemahiran guru dalam menggunakan strategi, pendekatan, dan teknik terbaik dalam pengajaran Jawi dikatakan menjadi salah satu faktor utama kelemahan murid dalam pembelajaran Jawi. Oleh itu, langkah-langkah pengajaran yang berkesan dalam bidang Jawi sepatutnya dimulakan sejak tahun Tahun 1 untuk membina asas literasi yang kukuh.

Antara cadangan strategi pelaksanaan yang boleh diambil ialah guru perlu mengubahsuai kandungan pengajaran Jawi mengikut tahap penguasaan dan keperluan setiap murid. Hal ini boleh melibatkan penyusunan bahan pengajaran yang lebih mudah atau lebih mencabar berdasarkan kemahiran dan kebolehan murid. Perancangan yang rapi sebelum memulakan pengajaran perlu dilaksanakan agar guru dapat bersedia dan mengetahui apa yang berlaku dalam setiap aktiviti yang dijalankan. Seterusnya, kajian literatur oleh Adnan et al. (2024) menegaskan bahawa pelaksanaan pengajaran terbeza di bilik darjah memberi kesan positif terhadap pencapaian murid, khususnya apabila guru merancang pengajaran awal dengan jelas dan sistematik. Perancangan awal ini penting bagi memastikan guru dapat menyediakan aktiviti berbeza aras seperti pengayaan bagi murid cemerlang dan pemulihan bagi murid yang lemah. Hal ini secara tidak langsung meningkatkan keberkesanan PdP kerana setiap murid menerima pengalaman pembelajaran yang lebih bermakna.

Guru juga perlu merancang pelbagai kaedah pengajaran yang sesuai dengan pelbagai gaya pembelajaran murid. Hal ini termasuk penggunaan bahan-bahan audiovisual, permainan pembelajaran, dan aktiviti berorientasikan kepada praktikal. Setiap gaya pembelajaran murid perlu dikenalpasti oleh guru supaya bahan dan kaedah yang digunakan dapat menarik perhatian murid keseluruhannya. Antara cara yang boleh digunakan adalah melalui praujian yang dicadangkan oleh Zuraidah et.al. (2023). Sebelum memulakan sesi pengajaran, guru perlu menjalankan penilaian awal bagi mengenal pasti tahap pengetahuan sedia ada murid berkaitan topik yang akan dipelajari. Penilaian ini boleh dilaksanakan secara tidak langsung melalui perbualan, pemerhatian, penilaian sendiri, atau penggunaan senarai semak. Hasil daripada penilaian ini membolehkan guru membentuk kumpulan murid yang setara dan merancang pengajaran seterusnya dengan menyesuaikan kandungan, proses, hasil pembelajaran atau persekitaran pembelajaran. Pembentukan kumpulan murid ini membantu guru mengenal pasti aspek yang perlu diubah suai dan dipelbagaikan dalam pelaksanaan pengajaran.

Selain itu, penilaian berterusan dilakukan sepanjang sesi pembelajaran untuk membantu guru meningkatkan pengajarannya supaya semua murid dapat memahaminya mengikut tahap pemahaman masing-masing. Penilaian yang dilakukan oleh guru sepanjang sesi pembelajaran

dapat digunakan sebagai panduan untuk menentukan tindakan pemulihan dan intervensi terbaik bagi murid yang memerlukan (Zuraidah et.al. 2023). Guru perlu menggunakan pelbagai kaedah penilaian yang sesuai dengan kepelbagaian kemahiran dan kebolehan murid dalam pengajaran Jawi. Ini termasuk ujian bertulis, projek kreatif, dan penilaian lisan. Strategi-strategi ini harus dipilih dan dilaksanakan dengan teliti oleh para guru untuk memastikan pembelajaran terbeza yang berkesan dan efektif dalam bidang Jawi di sekolah rendah.

Akhir sekali, strategi pemulihan dan pengayaan juga penting dalam pengajaran terbeza. Menurut Pozas et al. (2022), guru perlu menyediakan aktiviti pemulihan bagi murid lemah dan aktiviti pengayaan bagi murid cemerlang agar semua murid dapat mencapai potensi maksimum mereka dalam pembelajaran. Aktiviti pemulihan merujuk kepada intervensi yang dirancang khusus untuk membantu murid yang belum menguasai sesuatu kemahiran atau konsep. Aktiviti ini biasanya melibatkan penyederhanaan kandungan, penggunaan bahan bantu mengajar yang lebih konkrit serta bimbingan yang lebih intensif daripada guru. Sebagai contoh dalam pengajaran Jawi, murid yang lemah boleh diberikan latihan mengenal huruf Jawi secara berulang menggunakan kad imbasan, aktiviti padanan huruf atau latihan membina suku kata secara berperingkat. Menurut Karst et al. (2022), intervensi berasaskan data pentaksiran dapat membantu guru merancang aktiviti pemulihan yang lebih tepat dan berkesan bagi mengatasi kelemahan murid. Sebaliknya, aktiviti pengayaan pula dirancang untuk murid yang telah menguasai kemahiran asas dan memerlukan cabaran tambahan bagi mengembangkan potensi mereka. Aktiviti ini memberi peluang kepada murid untuk meneroka pembelajaran pada tahap yang lebih tinggi seperti aplikasi, analisis dan kreativiti. Dalam konteks pengajaran Jawi, murid cemerlang boleh diberikan tugas seperti membina ayat menggunakan tulisan Jawi, menghasilkan karangan pendek, atau menjalankan aktiviti projek seperti menghasilkan buku mini Jawi. Secara keseluruhannya, pelaksanaan aktiviti pemulihan dan pengayaan membolehkan guru memenuhi keperluan pembelajaran yang pelbagai dalam bilik darjah. Melalui pendekatan ini, murid yang lemah dapat dibantu untuk mencapai tahap minimum pembelajaran, manakala murid yang cemerlang terus dicabar untuk mencapai potensi maksimum mereka.

Strategi pelaksanaan pengajaran terbeza menuntut guru merancang dan melaksanakan pengajaran secara sistematik, fleksibel serta responsif terhadap kepelbagaian keupayaan murid. Oleh itu, strategi pelaksanaan pengajaran terbeza bukan sahaja membantu meningkatkan keberkesanan pengajaran, malah mampu mewujudkan persekitaran pembelajaran yang inklusif, adil dan berpusatkan murid. Pendekatan ini secara tidak langsung

menyokong usaha memperkembangkan potensi setiap murid secara optimum selaras dengan keperluan pendidikan masa kini.

KESIMPULAN

Guru mempunyai peranan penting dalam mencipta suasana pembelajaran yang menarik dan berkesan untuk meningkatkan penguasaan asas literasi murid dalam kemahiran membaca dan menulis tulisan Jawi dengan menggunakan pelbagai kaedah yang sesuai dan berfokus kepada murid seperti pembelajaran koperatif dan sebagainya. Berdasarkan perbincangan yang telah dijalankan, cadangan kajian lanjutan boleh diketengahkan dengan memberi fokus kepada aspek amalan sebenar guru di bilik darjah khususnya berkaitan tahap kesediaan, pengetahuan pedagogi serta cabaran yang dihadapi dalam melaksanakan pengajaran terbeza. Kajian berbentuk kajian kes atau kajian tindakan boleh dijalankan bagi mendapatkan gambaran yang lebih mendalam tentang pelaksanaan sebenar dalam konteks sekolah rendah di Malaysia. Justeru, dapat disimpulkan bahawa guru perlu proaktif dan kreatif dalam menerapkan pendekatan dan teknik pengajaran terbeza dalam pengajaran Jawi. Hubungan interaktif antara guru dan murid dapat ditingkatkan melalui pendekatan pengajaran yang lebih berpusat kepada murid dan memberi penekanan kepada peranan guru sebagai fasilitator pembelajaran berbanding hanya sebagai penyampai maklumat. Penulisan kertas konsep ini diharapkan dapat mencetuskan kesedaran warga pendidik untuk sentiasa proaktif memperkukuhkan kemahiran dan kreativiti dalam pengajaran terutamanya dalam menerapkan pengajaran terbeza dalam pengajaran Jawi di sekolah rendah.

RUJUKAN

- Adnan, M., Karim, A. A. & Rahman, N. A. 2024. Keberkesanan pelaksanaan pengajaran terbeza terhadap pencapaian murid dalam bilik darjah. *Jurnal Pendidikan Malaysia* 49(1): 45-60.
- Ain Nur Atika Agus. 2021. Tahap pengetahuan dan kesediaan guru Bahasa Melayu dalam melaksanakan pendekatan terbeza dalam pengajaran dan pembelajaran di rumah semasa tempoh perintah kawalan pergerakan. *Jurnal Pendidikan Bahasa Melayu*. 11(1): 75-87.
- Anuar Ahmad & Nelson Jingga. 2015. Pengaruh kompetensi kemahiran guru dalam pengajaran terhadap pencapaian akademik pelajar dalam mata pelajaran Sejarah. *Jurnal Kurikulum & Pengajaran Asia Pasifik*. 3(2): 48-64
- Che Nidzam Che Ahmad, Saidatul Ainoor Shaharim, Asmayati Yahaya. 2016. Kesesuaian Persekitaran Pembelajaran, Interaksi Guru-Pelajar, Komitmen Belajar Dan Kesselesaian Pembelajaran Dalam Kalangan Pelajar Biologi. *Jurnal Pendidikan Sains & Matematik Malaysia*. 6(1): 101-120
- Choong Lean Keow. 2009. Pengurusan Bilik Darjah dan Tingkah Laku untuk Program Ijazah Sarjana Muda Perguruan. Kuala Lumpur: Kumpulan Budiman Sdn. Bhd.
- Danial Arif Abdul Muttalip, & Zamri Mahamod. 2020. Pelaksanaan pendekatan pengajaran terbeza dalam kalangan guru bahasa Melayu yang mengajar di sekolah rendah pedalaman kategori 3. *Jurnal Pendidikan Bahasa Melayu*. 10(2): 29-42.
- Eikeland, I. & Ohna, S. E. 2022. Differentiation in education: A configurative review. *Nordic Journal of Studies in Educational Policy* 8(3): 157-170.
- Haelermans, C., Ghysels, J., Prince, F. & van den Berg, E. 2022. The effects of group differentiation by students' learning strategies. *Instructional Science* 50(2): 223-250.
- Karst, K., Jäger, R. S. & Schurig, M. 2022. Data-based differentiated instruction: The impact of standardized assessment and aligned teaching material on students' reading comprehension. *Learning and Instruction* 79: 101597.
- Kementerian Pendidikan Malaysia. 2013. Pelan pembangunan pendidikan Malaysia 2013-2025. Putrajaya: Bahagian Pembangunan Kurikulum
- Kementerian Pendidikan Malaysia. 2022. Modul Pedagogi Terbeza. Putrajaya: Bahagian Pembangunan Kurikulum.
- Melesse, T. & Belay, S. 2022. Differentiating instruction in primary and middle schools: Does variation in students' learning attributes matter? *Cogent Education* 9(1): 2105552.
- Mohd Mazhan Tamyis, Zahari Suppian & Nor Hasnida Che Md. Ghazali. 2021. Bidang Jawi Dalam Kurikulum Pendidikan Islam Sekolah Rendah: Satu Analisis Literatur. 14(2): 48-64
- Munna, A. S. & Kalam, M. A. 2021. Teaching and learning process to enhance teaching effectiveness: A literature review. *International Journal of Humanities and Innovation (IJHI)* 4(1): 1-4.
- Naquiah Nahar & Jimain Safar. 2016. Amalan Pengajaran Jawi dalam Pendidikan Masa Kini: Suatu Tinjauan. *Tinta Artikulasi Membina Ummah*. 2(2): 70-85
- Nguvava, M. J., & Meremo, J. 2021. Implimentation of the Differentiated Instructional Approach among Public Secondary Schools in Mwanza District, Tanzania. *East African Journal of Education and Social Sciences*. 2(3): 172-181.
- Pozas, M., Letzel, V. & Schneider, C. 2022. Teachers' implementation of differentiated instruction in heterogeneous classrooms. *Frontiers in Education* 7: 964341.
- Siti Aishah Hassan, & Che Suriani Kiflee. 2018. Kaedah pengajaran keterbezaan dalam pendidikan pintar dan berbakat. *E-Journal of Education*. 7(2): 12-21.

- Tamyis, M. M., Suppian, Z., Che Md. Ghazali, N. H., & Sathianarayanan, P. 2022. Pelaksanaan Kurikulum Jawi di Sekolah Rendah : Suatu Penilaian Input: *Implementation of Jawi Curriculum in Primary Schools: An Input Evaluation*. PENDETA. 13(2): 13–24
- Tomlinson, C. A. 2001. How To Differentiate Instruction In Mixed-Ability Classroom 2nd Edition. USA: Association for Supervision and Curriculum Development.
- Tomlinson, C. A. 2017. How to Differentiate Instruction in Academically Diverse Classrooms. USA: Association for Supervision and Curriculum Development.
- Tomlinson, C. A. 1999. The Differentiated Classroom; Responding to the Needs of All Learners. USA: Association for Supervision and Curriculum Development
- UNESCO. 1994. The Salamanca statement and framework for action on special needs education. Retrieved <https://unesdoc.unesco.org/ark:/48223/pf0000098427>
- UNESCO. 1990. World declaration on education for all. Retrieved <https://unesdoc.unesco.org/ark:/48223/pf0000127583>
- Wong, B. S., Chue, K. L., Ali, R. B. & Lee, B. C. 2022. Differentiated instruction: A comparison of motivation and perceived competence between students with high and low readiness levels. *International Journal of Instruction* 15(4): 587-604.
- Zurina Mustaffa, Zaharah Hussin & Abdul Muhsien Sulaiman. 2023. Pedagogi Terbeza Untuk Pengajaran Guru Terhadap Kepelbagaian Murid. *Jurnal Pendidikan Bitara Upsi*. 16(1): 11-21

Wan Nabilah Wan Muhamat Ali
Fakulti Pendidikan
Universiti Kebangsaan Malaysia
p144927@siswa.ukm.edu.my

Nurfaradilla Mohamad Nasri*
Fakulti Pendidikan
Universiti Kebangsaan Malaysia
nurfaradilla@ukm.edu.my

*Pengarang koresponden: nurfaradilla@ukm.edu.my

Dihantar: 5 November 2025
Dinilai: 22 Januari 2026
Diterima: 25 Mac 2026
Diterbitkan: 30 Mei 2026